

FAQs

1. Adakah BKK dan BKKIKHWAN entiti yang sama atau berlainan?

BKK sebelum ini berdaftar dan bernaung di bawah ROS, manakala BKKIKHWAN merupakan sebuah biro baharu yang dibentuk dan diletakkan di bawah pengurusan Surau al-Ikhwan. Oleh itu, segala peraturan dan pekeliling tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta mana-mana entiti berkaitan.

2. Berapakah yuran keahlian dan yuran pendaftaran?

- **Yuran Pendaftaran:** RM 10.00
- **Yuran Tahunan:** RM 50.00

Sebagai inisiatif sempena tempoh pendaftaran yang bermula pada **2 Februari 2024** dan berlangsung selama sebulan, tiga pengecualian diberikan:

- Tiada had umur pendaftaran.**
- Tiada tempoh matang.**
- Tiada yuran pendaftaran dikenakan.**

3. Adakah terdapat had umur untuk menjadi ahli, dan siapakah yang boleh menjadi tanggungan?

Ya, keahlian baharu hanya terbuka kepada individu yang berumur **tidak melebihi 60 tahun** pada waktu pendaftaran.

Kategori tanggungan yang layak:

- **Pasangan** – Suami atau isteri yang tinggal sebumbung.
- **Ibu bapa kandung atau mertua** – Yang tinggal sebumbung.
- **Anak-anak & tanggungan lain**, termasuk:
 - Lelaki/perempuan di bawah umur 25 tahun.
 - Anak kandung, anak tiri, anak angkat berdaftar.
 - Cucu atau adik yang kematian ibu bapa.
 - Anak OKU berdaftar (tiada had umur).

Kategori tanggungan yang tidak layak:

- Sudah berkahwin atau bekerja serta melebihi had umur.
- Tidak tinggal bersama ahli.
- Tidak memenuhi syarat tanggungan (perlu mendaftar sebagai ahli baharu).

4. Siapakah yang dikategorikan sebagai Ahli Kariah?

Ahli Kariah ialah individu Muslim yang bermastautin di **Bandar Baru Sungai Buloh**.

5. Bagaimana mendapatkan maklumat terkini mengenai carta organisasi BKKIKHWAN?

Carta organisasi BKKIKHWAN sedang dikemaskini dan boleh didapati di **Papan Kenyataan Surau al-Ikhwan** serta **laman sesawang e-Khairat Ikhwan**.

6. Mengapa pendaftaran semula diperlukan?

Pendaftaran semula dilaksanakan selaras dengan perubahan pengurusan Khairat Kematian yang kini dikendalikan oleh Surau al-Ikhwan. Langkah ini bertujuan untuk:

- Mengemas kini rekod keahlian dan tanggungan.
- Memastikan keahlian hanya terdiri daripada mereka yang bermastautin dalam kariah.
- Memperkemaskan pengurusan dan memastikan kelangsungan perkhidmatan yang lebih teratur di bawah pentadbiran baharu.

7. Apakah syarat keahlian dan perkara yang menyebabkan kehilangan taraf keahlian?

Syarat Keahlian:

- Keahlian terbuka kepada individu Muslim yang merupakan warganegara serta bermastautin dalam kariah **Bandar Baru Sungai Buloh**.
- Terbuka kepada lelaki dan perempuan berusia **18 tahun ke atas**.

Kehilangan Taraf Keahlian:

- Keahlian boleh terhenti sekiranya seseorang tidak lagi memenuhi syarat keahlian atau melanggar mana-mana peraturan yang termaktub dalam **Garis Panduan Khairat Kematian Surau Al-Ikhwan Bandar Baru Sungai Buloh**. Selain itu, keahlian juga boleh ditamatkan atas sebab-sebab lain yang diputuskan oleh pihak pengurusan BKKIKHWAN berdasarkan pertimbangan yang wajar dan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

8. Bolehkah seseorang yang lahir, bersekolah, dan dibesarkan di Bandar Baru Sungai Buloh memohon sebagai ahli jika mereka tidak lagi bermastautin di kawasan ini?

Keahlian hanya terbuka kepada **Ahli Kariah**. Oleh itu, individu yang tidak lagi bermastautin di Bandar Baru Sungai Buloh tidak layak untuk menjadi ahli. Sila rujuk **Soalan 4** untuk definisi Ahli Kariah.

9. Adakah khidmat Ketua Lorong masih diperlukan?

Ya, peranan Ketua Lorong masih diperlukan. Walau bagaimanapun, bagi aspek **kutipan yuran tahunan** serta **pengemaskinian maklumat ahli**, ia kini akan berada di bawah pentadbiran BKKIKHWAN.

10. Apakah had umur anak yang boleh menjadi tanggungan ibu bapa sebagai ahli?

Had umur tanggungan adalah **tidak lebih 25 tahun**. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Soalan 3**.

11. Bagaimana jika seorang ahli telah membuat bayaran secara "advance"?

Mana-mana ahli yang telah membuat bayaran **secara advance** hanya perlu menambah baki bayaran melalui kaedah **manual** atau **bank-in**. Bukti pembayaran perlu dikemukakan kepada **Bendahari** bagi tujuan rekod dan pengesahan.

12. Bagaimanakah cara untuk mendaftar?

Kami menggalakkan pendaftaran melalui QR code e-Khairat yang disediakan untuk kemudahan dan kelancaran proses. Namun, jika perlu, anda juga boleh mendaftar dengan mengisi borang secara manual. Jangan risau, kami sedia membantu jika diperlukan!